

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
September
2012

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab Soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helatan tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

SULIT

2

1103/1


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat logo di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat membeli barangan buatan Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

USAHA UNTUK MENGGALAKKAN MASYARAKAT MEMBELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA



SULIT

3

1103/1

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Isu kebersihan terutamanya di kawasan sekolah perlu diberi perhatian yang serius.
Sebagai pelajar yang prihatin, kemukakan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk memastikan persekitaran sekolah anda sentiasa bersih.
- 2 Kejayaan anak-anak berkait rapat dengan keprihatinan ibu bapa.
Ulaskan pernyataan di atas.
- 3 Kebiasaan mengambil makanan segera seperti burger, piza dan mi segera menjadi suatu trend dalam kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang akan disiarkan dalam akhbar tempatan yang bertajuk 'Kesan-kesan Buruk Pengambilan Makanan Segera Secara Berlebihan'.
Tulis rencana tersebut selengkapnya.
- 4 Beberapa buah negara di dunia sedang mengalami pergolakan politik dan peperangan yang berlarutan sehingga menyebabkan rakyat hidup sengsara. Oleh itu, penglibatan Malaysia dan beberapa buah negara lain yang menganggotai misi keamanan dunia amatlah dipuji.
Jelaskan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menjayakan misi tersebut.
- 5 *Penakek pisau seraut,
Ambil galah batang lintabong,
Seludang ambil ke nyiru,
Setittis jadikan laut,
Sekepal jadikan gunung,
Alam terbentang jadikan guru*
Puisi lama di atas menjelaskan kepentingan menuntut ilmu dan menyebarkannya kepada masyarakat.
Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
September
2012

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helatan tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

SULIT

2

1103/2

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan kaum wanita terhadap pembangunan negara dan langkah-langkah memperkasakan peranan tersebut. Panjangnya rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Penglibatan wanita dalam pembangunan negara telah menyuntik semangat baharu kepada golongan ini. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, dalam ceramahnya yang berjudul 'Peranan Wanita dalam Pembangunan Negara' anjuran NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) pada 10 November 2009 di Kuala Lumpur, telah menonjolkan kegigihan wanita dalam pelbagai bidang.

Kini wanita sering berada di barisan hadapan untuk membangunkan negara. Pelajar wanita di institusi pengajian tinggi (IPT) terdiri daripada 60% hingga 70% berbanding dengan hanya 10% suatu ketika dahulu. Sumbangan wanita terhadap masyarakat dan negara terus meningkat untuk kelestarian kejayaan negara. Semakin banyak wanita di negara ini berperanan mengisi jawatan penting dalam sesebuah organisasi dan memiliki kedudukan yang tinggi dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Tanggungjawab wanita dalam menjalankan tugas sebagai ibu, isteri dan pekerja pada hari ini juga sangat mencabar seiring dengan peredaran zaman. Wanita di Malaysia turut melibatkan diri dalam bidang pemiagaan dan keusahawanan. Penglibatan mereka ini mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Hal ini seiring dengan agenda pembangunan negara untuk mencapai kemajuan. Kaum wanita yang berpendidikan tinggi diingatkan supaya tidak lupa akan tugas hakiki mereka. Mereka perlu membentuk peribadi anak-anak dengan memberikan didikan yang sempurna.

Dalam bidang pendidikan pula, peranan wanita memang tidak dapat dinafikan. Sebagai pendidik, mereka menggalas tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dan mampu melahirkan modal insan kelas pertama. Wanita yang memberi sumbangan dalam pembangunan negara mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan berdaya saing. Wanita juga amat teliti dan lebih berhati-hati dengan setiap tugas yang diberikan.

Sesungguhnya peranan wanita dalam pembangunan negara berupaya menggerakkan negara mencapai matlamat menjadi negara maju demi kesejahteraan dan kejayaan rakyat Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa. Oleh hal yang demikian, menjadi harapan para beliawanis hari ini untuk memastikan bahawa impian ini adalah suatu yang dapat direalisasikan demi kepentingan bersama.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Suntikan Semangat Baharu kepada Wanita',
oleh Siti Zaleha M. Hashim,
Dewan Masyarakat, Januari 2010)

1103/2 © 2012 Bahagian Pendidikan Menengah MARA

SULIT

SULIT

3

1103/2

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *menonjolkan kegigihan*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa ciri wanita yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Nyatakan ciri-ciri tersebut. [3 markah]

(iii) Pada pandangan anda, apakah halangan-halangan dihadapi oleh wanita untuk menceburi kerjaya yang lebih mencabar?

Jelaskan dua halangan. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pak Husain merenung orang ramai. Dalam riak matanya dapat kubayangkan wajah ayahku terdiri di dalamnya. Dia melihatku kembali. Kemudian, dia menghirup kopi.

“Memang lama tak bertemu,” kata Pak Husain kemudian.

“Ya, lama,” bisik hatiku.

Sesungguhnya kami telah berpisah dalam tahun-tahun pendudukan BMA. Keluargaku pindah ke kota. Ketika bunga-bunga politik memercup tumbuh dalam tahun-tahun empat puluhan, kami telah melupai satu sama lain. Ketika permulaan perpindahan kami, ayahku sering ke desa peninggalannya, tetapi apabila api politik membakar seluruh tanah air, ayahku larut di dalamnya. Sejak itu perpisahan tidak rasmi itu saling melupai.

Kira-kira lebih tiga puluh tahun yang lalu, Pak Husain masih sepertiku. Usianya baru kira-kira tiga puluh tahun. Aku berusia lebih sedikit empat belas tahun. Pak Husain tegap sasa. Dia berani. Dia banyak dicintai oleh gadis-gadis kampungnya. Aku sering mengekorinya untuk memancing dan menyandak. Kampung kami damai. Deburan ombak Laut China Selatan saban detik menyiulkan lagu nelayan yang penuh duka nestapa. Kerana kedudukannya agak terencil oleh sungai dan laut yang mengelilinginya, kampung itu disebut Kampung Pulau Pak Amat.

Inilah Pulau Pak Amat yang gamat!

(Dipetik daripada ‘Pahlawan Buntung’
oleh S. Othman Kelantan
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah kelebihan-kelebihan Pak Husain tiga puluh tahun yang lalu? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang wajar dilaksanakan oleh kerajaan untuk menghargai pejuang negara? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan satu latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah berkata-kata itu maka tuan puteri itu pun kembali ke mahligainya membawa bayan itu. Maka disuruh oleh tuan puteri itu perbuatkan sangkarnya daripada emas sepuluh mutu dan bertatahkan ratna mutu manikam berumbai-umbaikan mutiara. Setelah sudah sangkar itu maka bayan itu pun dimasukkan ke dalam sangkarnya itu. Setelah hari malam maka bayan itu pun dikeluarkan dari dalam sangkarnya itu. Maka ia pun datang ke hadapan tuan puteri. Maka Dang Siti Mengerna pun *berdatang sembah* kepada tuan puteri, "Ya tuanku tuan puteri, lihatlah bayan ini jinak kepada tuan puteri."

"Maka sahut bayan itu, "Hai Dang Siti Mengerna, di manakah tiada jinak kerana beta beroleh tuan yang baik parasnya." Maka dayang-dayang pun sekalian ramai-ramai tertawa mendengar kata bayan itu. Maka kata bayan, "Ya tuanku puteri, hampirlah tuan beta itu akan datang menghadap tuan." Maka kata tuan puteri, "Manakah kala tuanmu itu akan datang ke mari?" Maka sahut bayan itu, "Pada bulan ini dan ketika ini juga tuan patik akan datang ke mari." Setelah tuan puteri mendengar kata bayan itu maka terlalu sukacita hendak melihat Raja Indera Bumaya itu. Setelah seketika itu maka bayan itu pun menjadi nuri datang ke atas ribaan tuan puteri itu seraya berpantun, demikian bunyinya:

Pergi ke padang membakar puan,
Ikat timba bertali-tali;
Datang dagang menghadap tuan,
Minta perhamba sekali-kali.

(Dipetik daripada 'Hikayat Langlang Buana'
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkaian kata *berdatang sembah*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh tuan puteri kepada bayan setelah dibawa ke mahligai? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah seseorang itu menyamar diri untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan?
Berikan dua alasan. [3 markah]

SULIT

6

1103/2

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

MAHSURI

(1)

Selendangmu mengibar di pantai
menyambut tetamu pulau
setiamu menjadi lagu
nyanyian ombak pagi
rambutmu menjadi jalur hitam
terapung di laut malam
air matamu dingin embun
jatuh di tujuh telaga
dendam tujuh keturunan
melengkung tujuh tanjung
putihlah pulau ini
disimbah darah suci
Mahsuri
sumpah itulah yang telah menghidupkan Langkawi
kerana tanpamu
Langkawi tidak sebegini.

(2)

Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup
dia hanya bermula dengan
khayalan seorang seniman
pun kata orang Mahsuri pernah hidup
tetapi bahasa seorang pencerita
membuatnya lebih hidup dari kehidupannya
sastera yang mewarnai tanah air
kerana tanpa Mahsuri
Langkawi tidak sebegini bererti.

Mahsuri membesarkan Langkawi
sastera membesarkan tanah air.

Zurinah Hassan
Antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka

SULIT

7

1103/2

- (i) Nyatakan pandangan orang tentang kewujudan Mahsuri seperti yang terdapat dalam **rangkap kedua** sajak tersebut. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan pulau-pulau di Malaysia menjadi tarikan pelancong?
Berikan **dua** faktor. [3 markah]
- (iii) Nyatakan persoalan yang terdapat dalam sajak Mahsuri. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) badan
- (ii) dasar
- (iii) rendah

[6 markah]

- (b) *Tukarkan ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Hubungan mesra antara rakyat pelbagai kaum dapat diertakan oleh sambutan rumah terbuka semasa perayaan.
- (ii) Masa dan tenaga telah anda habiskan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.
- (iii) Rakyat asing yang masuk secara haram telah ditahan oleh pegawai imigresen ketika bot mereka tiba di Pantai Samudera.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kehilangan anak sulong Puan Rahimah sejak seminggu lalu dirisaukan ahli keluarga.
- (ii) Pekerja salun itu telah mencucikan rambut adik yang kerinting sebelum mewarnakannya.
- (iii) Kerim muka yang digunakan oleh kakak mudah mendapatkan di pasar raya seluruh negara.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sebagai pelajar, kita mesti tabah merempuh segala cabaran agar berjaya di masa depan.
- (ii) "Pembinaan Planetarium Negara merupakan penanda kemajuan dalam bidang kajian angkasa raya yang dibanggakan oleh kami," kata kumpulan pelajar itu.
- (iii) Kerajaan berusaha meninggikan bahasa Melayu melalui inisiatif memperkasakan penggunaan bahasa ini dalam berbagai sektor.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi-situasi dalam petikan tersebut.*

Peraturan sekolah yang menetapkan para pelajar supaya datang awal ke sekolah tepat pada masanya bertujuan untuk melatih pelajar dalam aspek pengurusan masa. Amalan ini kemudiannya akan menjadi kebiasaan dalam kehidupannya, iaitu membahagikan masa untuk menelaah pelajaran dan menjalankan aktiviti lain. Segala kerja sekolah yang diberikan akan diselesaikan dengan sempurna dan mereka sentiasa memotivasikan diri sendiri untuk mencapai keputusan terbaik.

[6 markah]

SULIT

10

1103/2

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **tema** berserta **huraian peristiwa** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

(b) Watak sampingan banyak membantu watak utama dalam sesebuah penceritaan.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** perwatakan watak sampingan dalam setiap novel. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT